

Kuala Lumpur: “Tempoh hampir 30 tahun terlalu lama (untuk seseorang koma) dan dalam kes pesakit ini (Mohd Shahrir Idris), jadual pemberian ubat atau susu khas menjadi penyambung hayatnya.”

Demikian kata Profesor di Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Latiffah A Latiff (**gambar**), mengulas tempoh koma yang panjang dilalui Mohd Shahrir.

Beliau berkata, kebiasaannya pesakit seperti Mohd Shahrir mengalami kegagalan otak akibat goncangan kuat dan hentakan.

Menurutnya, bagi kesan jangka pendek, pesakit yang terhantuk dan mengalami gegaran otak mengalami sakit kepala, muntah dan pening atau hilang ingatan dalam jangka pendek.

“Dalam kes ini, peluang pesakit

Peluang pulih sangat tipis

ini untuk pulih sangat tipis berikutan keadaannya yang dikenali kecederaan otak traumatik.

“Bagaimanapun, sekiranya pesakit pulih sepenuhnya, berkemungkinan dia mengalami defisit dari segi pemikiran, pertuturan (terjejas) malah ada juga yang tidak boleh bergerak (lumpuh),” katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, fakta perubatan menyatakan seseorang itu boleh menjadi koma dan lumpuh apabila berlaku kecederaan pada parietal iaitu bahagian atas tengah

pada otak besar (cerebrum) yang berfungsi mengawal pergerakan, tekanan, sentuhan dan rasa sakit.

Ia juga boleh berpunca akibat kecederaan bahagian dalam otak (brainstem/tunjang otak) berada di dalam tulang tengkorak atau rongga kepala bahagian dasar, memanjang hingga tulang punggung atau sum-sum tulang belakang.

Ini kerana bahagian otak berkenaan mengatur fungsi dasar manusia, termasuk pernafasan, denyut jantung, mengatur suhu tubuh dan proses pencernaan.

